

26 MAY 2005

Mahathir-Islam

MAHATHIR SERU UMMAH PERKUKUH KEUPAYAAN POLITIK DAN TENTERA

Oleh: Ranga Kalansooriya

COLOMBO, 26 Mei (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru umat Islam di seluruh dunia supaya bersatu dan memperkukuhkan keupayaan politik dan ketenteraan masing-masing untuk mempertahankan hak mereka terhadap penindasan.

"Biar kita realistik. Tanpa senjata bagaimana kita (umat Islam) akan mempertahankan diri apabila tanah tumpah darah kita dirampas dan hak kita dicabuli," kata Dr Mahathir merujuk kepada situasi di Palestin.

Bekas perdana menteri itu yang diberi penghargaan oleh masyarakat Islam di Sri Lanka kerana sumbangannya bagi umat Islam dunia berkata demikian semasa berucap sebelum Majlis Umat Islam Sri Lanka menyampaikan anugerah penghormatan tertinggi 'Adams Peak Award' kepadanya.

Dr Mahathir juga menekankan perlunya umat Islam bersatu untuk menghadapi cabaran global semasa.

Dr Mahathir memulakan lawatan dua harinya ke Sri Lanka pagi ini dengan sambutan hamparan permaidaini merah di Lapangan Terbang Antarabangsa Banadaranaika.

Menteri Kewangan Dr. Sarath Amunugama dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Sri Lanka Nazeera Hussein menyambut Dr Mahathir di lapangan terbang itu.

"Kita (umat Islam) berjumlah lebih 1.3 bilion orang tetapi antara yang terlemah dalam masyarakat global. Ini kerana perpecahan di kalangan kita. Umat Islam berpecah belah dan berpuak dan ini memudaratkan masyarakat itu sendiri," katanya.

Merujuk kepada situasi di Asia Barat, katanya, keadaan telah bertambah buruk kerana ketiadaan umat Islam yang soleh.

"Saya berasa sedih untuk melihat bagaimana puak Israel melayan rakyat Palestin di bumi mereka sendiri. Semua ini berlaku sementara umat Islam lain di seluruh dunia hanya memerhatikan. Mengapa ini berlaku? Saya rasa ini kerana kita tidak amalkan agama kita dengan baik," katanya.

N.M. Ameen, Presiden Majlis Umat Islam Sri Lanka menyeru Dr Mahathir supaya memainkan peranan sebagai suara minoriti umat Islam di seluruh dunia.

"Di Sri Lanka, orang Islam adalah minoriti dan keadaan itu juga berlaku di banyak negara lain. Kami memerlukan seorang pemimpin dengan kedudukan anda untuk memimpin dan menunjukkan arah kepada kami," katanya.

Dr Mahathir yang mempunyai aturcara padat di Sri Lanka akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin politik, masyarakat dan perniagaan di Sri Lanka.

Presiden Sri Lanka Chandrika Bandaranaike Kumaratunga akan meraikan Dr Mahathir dalam majlis makan malam pada malam ini.

Dr Mahathir yang dijemput sebagai tetamu utama dan pengucap utama di majlis anjuran Chartered Institute of Management and Accountancy (CIMA), juga akan menghadiri ulang tahun ke 10 anak syarikat milik penuh Telekom Malaysia, Dialog GSM, pembekal terkemuka perkhidmatan telekomunikasi mudah alih di Sri Lanka.

-- BERNAMA

RKS AFY PR